

10 FEB 2001

BBM-Perhimpunan

BADAN BERTINDAK MELAYU PERTAHAN PERHIMPUNAN

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Badan Bertindak Melayu (BBM) tidak akan memohon maaf kepada mana-mana pihak berhubung perhimpunan "Tak Akan Melayu Hilang Di Dunia" anjurannya Ahad lepas, yang mendapat kritikan pelbagai pihak termasuk para pemimpin Umno.

Ketua Penyelaras Sekretariat BBM Datuk Ibrahim Ali berkata badan itu menerima segala pandangan dan komen dengan hati terbuka terhadap perhimpunan yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra itu.

"Tujuan perhimpunan tersebut adalah untuk membangkitkan kesedaran di atas kedudukan orang Melayu yang masih lemah dan tercabar, dan perlunya orang Melayu bersatu, bangun untuk mempertahankan ketuanan dan hak-hak orang Melayu," katanya pada persidangan media di sini, hari ini.

Perhimpunan itu dilaporkan menyimpang daripada tujuan berkenaan apabila sebahagian anggota Umno dan pemimpin veteran parti yang berucap telah mengkritik secara terbuka kepimpinan parti dan dasar-dasar kerajaan.

Sambil mempertahankan ucapan-ucapan itu, Ibrahim berkata tuntutan serta teguran itu dilakukan dengan ikhlas.

Beliau berkata BBM juga telah mengutus surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk mengadakan pertemuan dengan kedua-dua pemimpin itu.

Ibrahim menolak anggapan bahawa perhimpunan itu telah memecahbelahkan Umno, sebaliknya menurut beliau, ia berjaya menaikkan semangat dan kesedaran Melayu terhadap kepentingan dan hak Melayu.

"Terpulang kepada pandangan masing-masing, tetapi yang jelas perhimpunan itu bukanlah satu seminar ilmiah, konvensyen, diskusi atau forum. Ia satu "rally" yang bertujuan menimbulkan kesedaran kepada orang Melayu mengenai kepentingan dan hak mereka. Ucapan daripada peminato bertujuan untuk "stress the point" dan tentulah ia dilihat sebagai suatu pandangan yang kritikal" katanya.

Beliau berkata perhimpunan itu turut berjaya menubuhkan satu Jawatankuasa Petugas Khas yang dipengerusikan bekas timbalan perdana menteri Tun Ghafar Baba yang akan mengemukakan memorandum "Kepentingan Melayu", dijangka siap menjelang Jun, kepada kerajaan.

Mengenai pandangan Abdullah bahawa mereka sepatutnya mengemukakan masalah melalui saluran yang betul, Ibrahim berkata tidak dinafikan bahawa selama ini teguran dikemukakan melalui saluran yang sedia ada seperti di Dewan Rakyat, Dewan Negara, mesyuarat Majlis Tertinggi Umno dan perhimpunan agung Umno.

"Tetapi perhimpunan ini satu pendedahan semangat dan membuktikan bahawa ahli Umno bukan pak turut seperti yang dilabelkan oleh PAS dan Keadilan.

"Kita selama ini dilihat duduk diam, dilabelkan kita pak turut, sindrom bisu sehingga orang ramai berpendapat Umno sudah hilang wibawa dan pemimpinnya hanya mementingkan diri," katanya.

Ibrahim turut menafikan dakwaan bahawa penganjur perhimpunan itu adalah pemimpin Umno yang kecewa dan terpinggir dari arus perdana kerana kebanyakan anggota Umno yang terlibat masih memegang jawatan dalam parti.

"Kita adakan perhimpunan ini kerana kita nak buktikan bahawa kita memang jurubicara kepada kepentingan orang Melayu, negara dan parti. Ini (soal golongan kecewa) tidak timbul. Saya masih ketua bahagian, Mazlan (Mazlan Datuk Harun) timbalan ketua bahagian, semua ada jawatan dan ini membuktikan kita tidak pentingkan diri dan sanggup mengambil risiko,

berjuang demi orang Melayu," katanya.

Mengenai desakan supaya tindakan disiplin diambil terhadap anggota Umno terbabit, Ibrahim berkata perkara itu terserah kepada MT dan pucuk pimpinan parti.

Ibrahim turut meminta pemimpin Umno khususnya ketiga-tiga Naib Presiden serta Exco Pergerakan Pemuda supaya turun ke padang memberi penjelasan kepada isu semasa yang ditimbulkan rakyat dan mempertahankan parti serta kerajaan.

"Sekarang rakyat cerdik. Mereka mahukan penjelasan dan tidak semua faham apabila kerajaan ambil sesuatu tindakan. Misalnya kerajaan beli balik MAS (Penerbangan Malaysia), berilah penjelasan," katanya.

-- BERNAMA

HS AZZ ZB